

راجہ حکیت

Raja Hikita



راج كيت

Raja Kita



Buku *Raja Kita* ini diterbitkan sempena memperingati dan meraikan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-50 Tahun (15 Julai 1996). Dalam tempoh setengah abad itu selama 29 tahun dengan iltizam dan gaya kepimpinan yang tersendiri, Baginda telah melutani, mengadun dan menerajui candik pemerintahan dan pentadbiran negara sehingga mencapai kemerdekaan dan dikenali oleh masyarakat antarabangsa.

Buku ini mengandungi sembilan bahagian berbentuk *pictorial*. Bahagian pertama memaparkan zaman kanak-kanak, remaja dan persekolahan Baginda, dan seterusnya melangsungkan perkahwinan. Bahagian kedua adalah kronologi peristiwa Baginda diisytiharkan menjadi 'Pengiran Muda Mahkota', ditabalkan menjadi 'Sultan Brunei ke-29' dan dipuspakan, dan Baginda menyambut Jubli Perak. Bahagian ketiga memperlihatkan penglibatan dan perhatian serius Baginda terhadap penyebaran dan perkembangan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD), serta menitikberatkan pengurusan dan pembangunan berlandaskan siasah Islam. Bahagian kelima memperlihatkan Baginda seorang Raja dan pemimpin yang kasihkan rakyat serta prihatin dan memaduli hal-ehwal kehidupan dan kebajikan mereka. Bahagian keenam mencatatkan keberangkatan Baginda ke luar negeri sama ada kerana lawatan rasmi negara atau menghadiri persidangan-persidangan serantau dan antarabangsa yang bermanfaat kepada rakyat dan NBD. Bahagian ketujuh merakamkan kunjungan muhibah tetamu luar negeri ke NBD sama ada sebagai lawatan rasmi atau kerana menghadiri undangan khas Baginda. Bahagian kelapan memperlihatkan minat dan aktiviti masa lapang Baginda untuk kecergasan, kecerdasan, kesihatan dan rekreasi. Dan bahagian kesembilan membutirkan beberapa anugerah seperti Ijazah Kehormat dan Bintang-Bintang Kebesaran luar negeri yang Baginda terima sebagai pengiktirafan di atas ketokohan dan kebijaksanaan Baginda dalam menerajui candik kepimpinan NBD.

Daripada catatan ringkas dan mampat mengenai diri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini, diharap akan dapat menjadi daya penggerak dalam menambah kukuh ikatan yang sedia terjalin antara Raja dan Rakyat atau rakyat dan Raja, di samping menanamkan semangat cintakan Raja, ugama, bangsa dan negara. Semoga buku ini akan menjadi bahan bacaan dan ristaan yang berharga mengenai seorang Raja yang berdaulat dan dikasihi oleh rakyat.









بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالرُّسُلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ







Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan,
Negara Brunei Darussalam

